



Pegawai pengesah teliti aduan berita palsu

Oleh [Luqman Arif Abdul Karim](#) - Mac 12, 2021 @ 4:54pm
luqman.arif@bh.com.my



Takiyuddin (kanan) pada sidang media bersama Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, hari ini. - FOTO BERNAMA

PUTRAJAYA: Sebarang aduan berhubung penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19 dan proklamasi darurat, akan dirujuk kepada pegawai pengesah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata proses itu dilakukan selepas laporan maklumat pertama (FIR) difailkan mana-mana individu dan diterima pihak berkuasa.

Beliau berkata, institusi 'pegawai pengesah' yang terdiri daripada pelbagai pakar dan agensi kerajaan, selain menganggotai jawatankuasa darurat itu, kemudian akan menentukan sama ada aduan terbabit mempunyai asas untuk diambil tindakan lanjut.

"Pegawai pengesah itu meliputi kepakaran, sebagai contoh jika berkaitan kesihatan, ia tanggungjawab pegawai pengesah daripada Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Ordinan Darurat tak sekat kebebasan bersuara](#)
- [Annuar bidas usaha adakan sidang Parlimen ketika darurat](#)

Tutup ↓

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 7m [Kosovo buka kedutaan di Baitulmaqdis](#)
- 23m [Sabah catat kes baharu COVID-19 terendah semalam](#)
- 45m [Pencemaran Sungai Ngulang boleh dipulihkan](#)
- 1h [Polis tak terima permohonan permit Konvensyen DAP Perak](#)
- 1h [Israel lancar sistem senjata baharu](#)
- 1h [Beyonce dominasi pencalonan Anugerah Grammy](#)
- 2h [Hatrick pantas Ronaldo jawab kritikan](#)
- 2h [PM Britain ikrar lindungi wanita](#)

VAKSIN



[EROPAH](#) 4 jam yang lepas

[Belanda gantung penggunaan vaksin AstraZeneca](#)



[NASIONAL](#) Mac 14, 2021 @ 7:34pm

[Hadi Awang terima suntikan vaksin COVID-19](#)



[NASIONAL](#) Mac 14, 2021 @ 6:14pm

- **Kompaun RM10,000 tak perlu jelas serta merta, boleh rayu**
- **Proklamasi darurat bukan untuk gantung sidang Parlimen**

"Jika jenayah pula, pegawai pengesah adalah daripada Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Pertahanan. Ini adalah antara beberapa contoh latar belakang pegawai pengesah yang akan meneliti butiran aduan.

"Sekiranya pegawai pengesah mendapati ada kes, maka kenyataan penafian rasmi (PRP) perlu diterbitkan bagi menyangkal berita palsu berkenaan dan siasatan lanjut dibuat.

"Jika penelitian pegawai pengesah mendapati aduan terbabit tiada asas untuk diambil tindakan, maka kes akan dibuang," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Takiyuddin berkata, Yang di-Pertuan Agong boleh menitahkan sidang Parlimen diadakan pada sekitar September, selepas penguatkuasaan darurat tamat pada 1 Ogos depan.

Justeru, beliau berkata, semua ordinan darurat perlu dibentangkan dan boleh dibatalkan di Parlimen, selepas melalui proses perbahasan.

"Namun kalau tiada Parlimen untuk tempoh enam bulan selepas darurat tamat, ordinan ini masih berkuat kuasa, cuma mana mungkin kita tiada sidang Parlimen selepas 1 Ogos.

"Mesti ada sidang Parlimen, justeru ordinan darurat ini hanya berkuat kuasa untuk tempoh sementara, bukan sampai bila-bila," katanya.

Takiyuddin berkata, langkah menggubal akta bagi memerangi berita palsu turut dirintis beberapa negara lain seperti Kemboja, India, Russia, Bosnia dan Filipina.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia bukan satu-satunya negara yang mengambil langkah sedemikian kerana kerajaan ketika ini hanya ingin melindungi tiga aspek, iaitu kesihatan, ekonomi dan sosial.


"Itu saja perkara yang kita tekankan. Ordinan dibuat dan mendapat perkenan Agong, seperti dibuat di Parlimen. Justeru jika kita tidak menghormati perkara ini, umpama kita tidak menghormati Parlimen," katanya.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mac 14, 2021 @ 6:14pm

Malaysia yakin kelulusan NPRA vaksin AstraZeneca



NASIONAL Mac 14, 2021 @ 3:21pm

5.45 juta individu daftar terima vaksin COVID-19

KOMENTAR Mac 14, 2021 @ 11:00am




Pendidikan bermaklumat tepat cegah fobia vaksin



NASIONAL Mac 14, 2021 @ 10:59am

292,104 individu sudah divaksin

TRENDING



SELEBRITI 10 jam yang lepas

Lagu Gila juara AJL35



KES 10 jam yang lepas

Bukan polis kompaun RM10,000 - Huzir



KES 11 jam yang lepas

SUSK Tok Pa parah kereta langgar besi



SELEBRITI Mac 14, 2021 @ 9:52pm

AJL35 'trending' persembahan pembukaan



KES Mac 14, 2021 @ 9:43pm

'Pegawai polis di lokasi perjuduan tidak bertugas'

MYRESIPI



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm

Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm

Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm

Resepi Bubur Kacang Hijau Durian Kegemaran Ramai, Pembuka Selera Yang Terbaik!




INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm

Resepi Ikan Percik Simple Ala Kelantan



INFOMASI Mac 5, 2021 @ 2:52pm





NASIONAL Mac 12, 2021 @ 5:17pm
287 kertas siasatan kes berita palsu dibuka



NASIONAL Mac 14, 2021 @ 3:42pm
Siasatan tangani berita palsu lebih pantas



INFOMASI Mac 5, 2021 @ 2:52pm
Ini Resepi Kalio Ayam Minang, Sesuai Dinikmati Bersama Keluarga



NASIONAL Mac 12, 2021 @ 9:04pm
Ordinan Darurat hanya fokus berita tak benar COVID-19, Proklamasi Darurat



NASIONAL Mac 3, 2021 @ 3:22pm
Dewan Rakyat tak akan bersidang hingga 1 Ogos



IKUTI KAMI DI:



- BERITA**
- BHPLUS**
- Nasional**
- Kes**
- Politik**
- Pendidikan**
- Wilayah**

- SUKAN**
- DUNIA**
- HIBURAN**
- BISNES**
- RENCANA**
- WANITA**
- HUJUNG MINGGU**

- MULTIMEDIA**
- Foto**
- BHTV**
- Infografik**

- LANGGAN**
- Akhbar Digital**
- Akhbar BH**

- PERKHIDMATAN**
- Iklan Web**
- 1Klassifieds**
- NSTP KLIK**